

PENGHURAIAN KERJA PERKHIDMATAN PEGAWAI HIDUPAN LIAR

1. SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai Hidupan Liar Gred G9, G10, G12, G13, G14.

2. PERINGKAT ORGANISASI

Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

3. RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab menguruskan sumber biodiversiti negara di dalam Kawasan Perlindungan, menguatkuasakan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686], Akta Taman Negara 1980 [Akta 226], Enakmen Taman Negara Pahang, No. 2 1939, Enakmen Taman Negara Terengganu, No.6 1939, Enakmen Taman Negara Kelantan No.14 1938, melaksanakan aktiviti konservasi hidupan liar, membangun sumber rekreasi ekopelancongan, mengurus program latihan, kesedaran awam dan menjalankan penyelidikan terhadap hidupan liar.

4. SKOP FUNGSI DAN BIDANG TUGAS

4.1 Pegawai Hidupan Liar Gred G9

- a. Membantu merancang, menyelaraskan dan memantau operasi penguatkuasaan, risikan, pengeledahan, pemeriksaan di premis perniagaan, kediaman dan pintu masuk sempadan negara mengikut Akta yang berkuat kuasa agar mematuhi SOP yang ditetapkan;
- b. Bertanggungjawab sebagai Pegawai penyiasat (IO) Jabatan, melengkapkan kertas siasatan (IP) dan membantu Pegawai Pendakwa (PO) untuk sebutan atau perbicaraan kes di mahkamah;
- c. Memantau urusan pengeluaran lesen-lesen berkaitan dengan hidupan liar dan permit CITES (import dan eksport hidupan liar);
- d. Menyediakan laporan pencapaian kes tahunan mengikut negeri-negeri dan ibu pejabat;

- e. Mengetuai pegawai menjalankan aktiviti pengurusan hidupan bagi menyelesaikan masalah konflik hidupan liar dengan ladang-ladang pertanian dan manusia;
- f. Menyelaras dan melaksanakan aktiviti pengurusan hidupan liar di peringkat Ibu Pejabat dan koordinasi dengan jabatan peringkat negeri;
- g. Menjalankan pemantauan *Wildlife Management Plan* (WMP);
- h. Menguruskan aktiviti pengurusan hidupan liar secara ex-situ di Pusat Konservasi Hidupan Liar dan Pusat Menyelamat Hidupan Liar Jabatan;
- i. Memantau kemudahan rekreasi ekopelancongan yang terdapat di Kawasan Perlindungan;
- j. Melaksanakan program kesedaran awam, ceramah, kursus-kursus anjuran Jabatan untuk pegawai dan kakitangan Jabatan dan mengadakan program kerjasama kursus dengan agensi luar;
- k. Bertugas sebagai penceramah untuk kursus-kursus anjuran Jabatan, lain-lain agensi dan jemputan luar;
- l. Menyelaraskan peperiksaan perkhidmatan Jabatan dan peperiksaan khas untuk pegawai dan kakitangan teknikal jabatan;
- m. Memantau dan menyelaras pelaksanaan projek-projek pembangunan Jabatan; dan
- n. Menjalankan tugas pentadbiran, kewangan dan sumber manusia di peringkat negeri;

4.2 Pegawai Hidupan Liar Gred G10

- a. Membantu menyelaras dan membangunkan dasar-dasar Konservasi Hidupan Liar, penggubalan peraturan, garis panduan dan SOP berkaitan Konservasi Hidupan Liar;
- b. Membantu merancang, menyelaras dan memantau operasi penguatkuasaan, risikan, pengeledahan, pemeriksaan di premis perniagaan, kediaman dan pintu masuk sempadan negara mengikut Akta yang berkuat kuasa agar mematuhi SOP yang ditetapkan;
- c. Membantu merancang dan menyelaras peranan di dalam *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES);

- d. Menyelaras aktiviti penyiasatan, pendakwaan dan pengendalian barang kes bagi memastikan urusan adalah teratur selaras dengan keperluan operasi dan peraturan semasa yang berkuatkuasa;
- e. Merancang, menyelaras dan memantau program pengurusan konflik manusia-hidupan liar di seluruh Semenanjung Malaysia, *Wildlife Impact Assessment* (WIA) termasuk aktiviti mitigasi dan menyelamatkan kehidupan liar yang terjejas;
- f. Menjalankan pemantauan Wildlife Management Plan (WMP);
- g. Membantu menyelaras dan memantau program pembiakbakaan komersial kehidupan liar dan pengeluaran permit penyelidikan;
- h. Menjalankan pemantauan *Wildlife Management Plan* (WMP);
- i. Membantu penyediaan memorandum perjanjian (MoA), memorandum persefahaman (MoU), kertas pertimbangan dan kertas makluman;
- j. Membantu mengenalpasti potensi kerjasama strategik agensi dengan pihak luar bagi membolehkan agensi sebagai penyedia perkhidmatan yang berkesan dalam program pengurusan kehidupan liar dan habitat;
- k. Membantu merancang dan melaksanakan pelan latihan, kompetensi dan kesedaran awam;
- l. Membantu merancang, menyelaras dan memantau program pembangunan pengurusan kehidupan liar bagi menambah kawasan perlindungan dan mewujudkan pusat konservasi kehidupan liar;
- m. Memantau dan menyelaras pelaksanaan projek-projek pembangunan Jabatan; dan
- n. Menyelaras aduan dan maklum balas pelanggan.

4.3 Pegawai Hidupan Liar Gred G12

- a. Menyelaras dan membangunkan dasar-dasar Konservasi Hidupan Liar, penggubalan peraturan, garis panduan dan SOP berkaitan Konservasi Hidupan Liar;
- b. Merancang, menyelaras dan memantau program pembangunan pengurusan kehidupan liar bagi menambah kawasan perlindungan dan mewujudkan pusat konservasi kehidupan liar;

- c. Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan program pengumpulan maklumat biodiversiti menerusi Program Inventori Biodiversiti dan pengkalan data biodiversiti;
- d. Merancang, menyelaras dan memantau program pengurusan konflik manusia-hidupan liar di seluruh Semenanjung Malaysia;
- e. Merancang, menyelaras dan memantau program *Wildlife Impact Assessment* (WIA) termasuk aktiviti mitigasi dan menyelamatkan kehidupan liar yang terjejas;
- f. Menyelaras dan memantau pelaksanaan Akta, Enakmen serta Peraturan-peraturan yang berkaitan;
- g. Merancang dan menyelaras peranan di dalam *Convention on International Trade in Endangered Species of Wild Fauna and Flora* (CITES) bagi memenuhi obligasi negara;
- h. Merancang dan menyelaras operasi penguatkuasaan, risikan, penggeledahan, pemeriksaan di premis perniagaan, kediaman dan pintu masuk sempadan negara mengikut Akta yang berkuat kuasa agar mematuhi SOP yang ditetapkan;
- i. Merancang dan menyelaras kerja-kerja pembangunan kawasan ekopelancongan, aktiviti pembangunan sosio-ekonomi, penswastaaan dan latihan kepada masyarakat setempat bagi melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti ekopelancongan yang boleh menjana pendapatan;
- j. Menyelaras keperluan maklumat Geospatial berkaitan kawasan perlindungan dan mengemaskini status pewartaan kawasan perlindungan bagi memastikan pengekalan dan penambahan kawasan perlindungan;
- k. Menyelaras dan memantau program pembiakbakaan komersial kehidupan liar dan pengeluaran permit penyelidikan;
- l. Memantau dan menyelaras pelaksanaan projek-projek pembangunan Jabatan;
- m. Merancang dan memantau pelaksanaan pelan komunikasi korporat, pengurusan aduan, publisiti dan promosi dan pembangunan dasar serta polisi Jabatan;
- n. Menyelaras penyertaan Jabatan dalam konvensyen, kumpulan atau jawatankuasa berkaitan pengurusan kehidupan liar dan kawasan perlindungan;

- o. Menyelaraskan dan memantau penyediaan memorandum perjanjian (MoA), memorandum persefahaman (MoU), kertas pertimbangan dan kertas makluman bagi membolehkan;
- p. Mengenalpasti dan melaksanakan potensi kerjasama strategik agensi dengan pihak luar bagi membolehkan agensi sebagai penyedia perkhidmatan yang berkesan dalam program pengurusan hidupan liar dan habitat; dan
- q. Menyelia tugas-tugas pentadbiran, kewangan dan sumber manusia di peringkat negeri.

4.4. Pegawai Hidupan Liar Gred G13

- a. Merangka pembangunan dasar-dasar Konservasi Hidupan Liar, penggubalan peraturan, garis panduan dan SOP berkaitan Konservasi Hidupan Liar;
- b. Merangka dan merancang aktiviti penguatkuasaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] dan akta lain yang berkaitan;
- c. Merangka dan merancang program dan pengurusan in-situ/konflik spesies hidupan liar serta habitatnya;
- d. Merangka dan merancang aktiviti ekopelancongan di kawasan perlindungan dan pusat konservasi hidupan liar (PKHL) secara impak minima kepada biodiversiti;
- e. Merangka dan merancang pelaksanaan program konservasi hidupan liar secara ex-situ bagi melindungi hidupan liar terancam;
- f. Merangka dan merancang pelaksanaan program dan aktiviti pengurusan kawasan-kawasan perlindungan;
- g. Merangka dan merancang aktiviti pembangunan sosio-ekonomi, penswastan dan latihan kepada masyarakat setempat bagi melibatkan masyarakat setempat dalam aktiviti ekopelancongan yang boleh menjana pendapatan;
- h. Merangka dan merancang dasar perancangan strategik Jabatan, hal ehwal komunikasi korporat, pengurusan aduan dan publisiti serta merancang pelan pembangunan modal insan;
- i. Merangka dan merancang program dan aktiviti di bawah Memorandum Persefahaman (MoU)/Perjanjian Program Konservasi Hidupan Liar di antara Jabatan – Zoo dan Pameran Tetap (ZPT);

- j. Memberi khidmat nasihat teknikal kepada pengendali ZPT bagi memastikan kelancaran operasi ZPT mengikut kehendak Akta Pemuliharaan Hidupan Liar, 2010 [Akta 716], Peraturan-Peraturan dan Garis Panduan yang berkaitan;
- k. Merangka dan merancang aktiviti pengurusan pentadbiran, kewangan dan sumber manusia di Pejabat PERHILITAN Negeri;
- l. Merancang keperluan kerjasama antara agensi kerajaan, swasta dan NGO serta badan antarabangsa dalam bidang biodiversiti;
- m. Merancang aktiviti penyelidikan hidupan liar untuk digunakan oleh pegawai penyelidik;
- n. Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan pengurusan hasil penyelidikan dalam bentuk jurnal, elektronik atau lain-lain penerbitan di peringkat negara dan antarabangsa; dan
- o. Merangka dan merancang aktiviti berkaitan program-program kesedaran dan pendidikan awam.

4.5 Pegawai Hidupan Liar Gred G14

- a. Merangka pelaksanaan aktiviti dan Pelan Pengurusan di Kawasan Perlindungan;
- b. Merangka dan merancang aktiviti penguatkuasaan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716], Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam 2008 [Akta 686] dan akta lain yang berkaitan bagi membendung aktiviti penyeludupan dan eksploitasi Hidupan liar;
- c. Merangka pelaksanaan Akta, jadual serta Peraturan-peraturan yang berkaitan serta menyelaraskan aktiviti-aktiviti pelesenan agar memenuhi kepuasan dan piagam pelanggan.
- d. Merangka dan merancang pelaksanaan aktiviti pengurusan spesies secara in-situ;
- e. Merangka dan merancang pelaksanaan program pengumpulan maklumat biodiversiti menerusi Program Inventori Biodiversiti dan pengurusan pengkalan data biodiversiti bagi mengetahui dan menjamin kewujudan dan kekayaan biodiversiti negara terpelihara;
- f. Merangka dan merancang program pengurusan konflik manusia-hidupan liar di seluruh Semenanjung Malaysia bagi mengurangkan gangguan yang ditimbulkan oleh hidupan liar demi kesejahteraan rakyat;

- g. Merangka dan merancang program pengurusan habitat khususnya di Kawasan Perlindungan di bawah kawalan Jabatan PERHILITAN bagi meningkatkan kualiti habitat, menambahkan sumber makanan dan garam mineral untuk hidupan liar;
- h. Merangka dan merancang program Wildlife Impact Assesment (WIA) termasuk aktiviti mitigasi dan menyelamatkan hidupan liar;
- i. Merangka dan merancang aktiviti dan program yang melibatkan badan antarabangsa bagi memenuhi obligasi Malaysia sebagai negara yang menganggotai konvensyen dan pertubuhan antarabangsa;
- j. Mengetuai urusan pentadbiran, kewangan dan perolehan di Pejabat PERHILITAN Negeri bagi memastikan urusan adalah teratur selaras dengan dasar dan peraturan semasa yang berkuat kuasa;
- k. Merangka program perkhidmatan *veterinary* dan program penyelidikan hidupan liar; dan
- l. Merangka dan merancang program di Pusat Menyelamat dan pusat-pusat konservasi hidupan liar.

5. HUBUNGAN KERJA

Dalaman

- a. Pihak pengurusan atasan.
- b. Pegawai dan kakitangan Jabatan PERHILITAN di semua peringkat.

Luaran

- a. Orang awam;
- b. Peniaga, pengeksport, pengimport dan pemilik lesen hidupan liar;
- c. Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan;
- d. Kerajaan Negeri dan pihak berkuasa tempatan;
- e. Agensi Antarabangsa;
- f. IPTA/ IPTS;
- g. Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO); dan

- h. Pegawai Penyelidik dalam dan luar negara.

6. PERSEKITARAN KERJA

- a. Dalam dan luar pejabat.

7. KEBOLEHAN YANG DIUTAMAKAN (PENGETAHUAN/ KEMAHIRAN)

- a. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Ijazah Kedoktoran (Ph.D) yang diiktiraf oleh kerajaan dengan keutamaan dalam bidang biologi, zoologi, perhutanan, sains persekitaran, sains veterinar, biologi pemuliharaan, pengurusan hidupan liar, taman dan rekreasi, sains persekitaran dan yang berkaitan dengannya.
- b. Mempunyai keberanian untuk mengendalikan hidupan liar;
- c. Mempunyai kekuatan mental dan fizikal bermalam di dalam hutan;
- d. Berkebolehan menulis laporan atau kertas kerja dengan baik;
- e. Berkebolehan berkomunikasi dengan baik; dan
- f. Mampu membuat keputusan dengan baik.

8. SIFAT-SIFAT YANG BERSESUAIAN DENGAN JAWATAN

- a. Berintegriti;
- b. Bertanggungjawab, amanah, jujur, berdisiplin dan kerjasama;
- c. Menjaga kerahsiaan dan profesionalisme;
- d. Bersifat positif dan sentiasa berusaha;
- e. Ketahanan fizikal dan mental untuk tugas di lapangan;
- f. Berupaya menyelesaikan masalah dan bijak membuat keputusan;
- g. Akauntabiliti;
- h. Kreatif dan inovatif;

- i. Adil dan saksama;
- j. Berdisiplin; dan
- k. Jati diri

9. ANCAMAN/ BAHAYA

- a. Terdedah kepada ancaman/ serangan hidupan liar;
- b. Terdedah kepada ancaman pesalah-pesalah yang ditangkap/ didenda/ hukum di bawah Akta berkuat kuasa;
- c. Terdedah kepada terkena peluru sesat oleh pemburu haram dan penceroboh dalam kawasan hutan;
- d. Tersesat di dalam hutan semasa kerja-kerja Inventori, ancaman pokok tumbang, kecederaan kerja di lapangan, lemas dan serangan penyakit berjangkit dari hidupan liar;
- e. Terdedah kepada bahan kimia dan 'drug';
- f. Kemalangan semasa penggunaan senjata api;
- g. Boleh diambil tindakan undang-undang oleh pihak tertentu;
- h. Risiko terdedah kepada penyelewengan dan rasuah;
- i. Isu integriti;
- j. Isu kerahsiaan/ keselamatan negara; dan
- k. Tekanan.